

Tribunal khas atasi kes gangguan seksual ditubuh

BH - 2/12/2019 m/d: 2

Usaha tambah baik sistem keadilan sedia ada: TPM

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com

Kuala Lumpur: Kerajaan akan menubuhkan satu tribunal khas untuk mendengar dan menangani kes gangguan seksual di negara ini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, berkata ia ditubuhkan dalam usaha menambah baik sistem keadilan sedia ada.

"Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat berhasrat menambah baik terhadap sistem keadilan sedia ada menerusi penubuhan tribunal khusus untuk mendengar dan menangani kes gangguan seksual.


"Ia (cadangan tribunal) akan termasuk dalam Akta Gangguan Seksual yang kini masih dalam peringkat perbincangan kementerian, bersama agensi, NGO (badan bukan kerajaan) dan AGC (Jabatan Peguam Negara)," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui media selepas merasmikan program Khatan Perdana Parlimen Pandan, di

sini, semalam.

Dr Wan Azizah yang juga Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat, berkata rang undang-undang (RUU) gangguan seksual yang sepatutnya dibentang di Dewan Rakyat bulan ini, akan dibawa ke persidangan tahun depan.

Penangguhan itu katanya, dibuat berikutan masih ada beberapa perkara perlu diputuskan dan dipersetujui bersama seperti remedi dan beban pembuktian.

 **Mekanisme pengaduan perlu dipermudahkan supaya lebih ramai mangsa tampil sementara elemen remedi dan penalti turut diberi perhatian. RUU ini masih menjadi keutamaan kementerian dan akan dibentang secepat mungkin, pastinya tahun depan.**

Dr Wan Azizah Wan Ismail,
Timbalan Perdana Menteri

"Semua perkara itu penting bagi memastikan keangan perundangan sedia ada dapat diselesaikan dan RUU ini benar-benar dapat menangani isu ini serta memberi perlindungan kepada mangsa.

"Mekanisme pengaduan perlu dipermudahkan supaya lebih ramai mangsa tampil sementara elemen remedi dan penalti turut diberi perhatian. RUU ini masih menjadi keutamaan kementerian dan akan dibentang secepat mungkin, pastinya tahun depan," katanya.

Menyentuh mengenai program berkhatan, Dr Wan Azizah berkata amalan itu memberi satu pendidikan secara tidak langsung kepada kanak-kanak terhadap fasa hidupnya.

"Perubahan fasa kehidupan ini disusuli dengan pertambahan tanggungjawab terhadap diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara.

"Daripada kehidupan alam kanak-kanak yang sepenuhnya bergelumang dengan alat-alat permainan, kini mereka sudah melangkah ke alam remaja yang memerlukan mereka lebih memberi perhatian terhadap lingkungannya," katanya.

Beliau berkata, amalan berkhatan juga mendidik anak mengenai mumayiz iaitu membezakan di antara suci dan najis sebagai persediaan untuk menuaikan ibadah.